# Kristus 7



Published by the Comic Bible Society, LLC
Copyright © 2021

Kingstone Comics maintains copyright to this comic book as provided by United States copyright law.

Print and digital copies of this version may be freely distributed without penalty under a Creative Commons license.




MATIUS 17:22-25, MARKUS 9:30-32; LUKAS 9:43-45


ORANG ASING.
JIKA DEMIKIAN, RAKYAT TIDAK PERLU MEMBAYAR., ENGKAU AKAN MENDAPATI SEKEPING DUIT SYILING YANG CUKUP UNTUK MEMBAYAR CUKAI RUMAH TUHAN BAGI KITA BERDUA.
TETAPI JANGANLAH KITA SINGGUNG PERASAAN SESIAPA PUN.
“PERGILAH KE TASIK DENGAN PANCINGMU”
“PANCINGLAH IKAN…”
“IKAN PERTAMA YANG ENGKAU TANGKAP.”
“…BUKA MULUTNYA.”
EMPAT DIRHAM!
“AMBILLAH DUIT ITU DAN BAYARLAH CUKAI KITA.”
INILAH CUKAI KAMI, TUAN…


SETELAH ITU YESUS PERGI DARI SATU TEMPAT KE TEMPAT LAIN DI GALILEA. DIA TIDAK MAHU PERGI KE DAERAH YUDEA KERANA PARA PENGUASA YAHUDI DI SANA HENDAK MEMBUNUH DIA.
ITU DIA.
PADA MASA ITU HAMPIR PERAYAAN PONDOK DAUN. OLEH ITU, SAUDARA-SAUDARA YESUS BERKATA KEPADA-NYA
YESUS PERGILAH KE YUDEA, SUPAYA PENGIKUT-PENGIKUT-MU DAPAT MELIHAT PERBUATANMU!
JANGAN SEMBUNYIKAN PERBUATAN MU.
DUNIA INI TIDAK MEMPUNYAI ALASAN UNTUK MEMBENCI KAMU. TETAPI DUNIA INI MEMBENCI AKU, KERANA AKU SENTIASA BERKATA KEPADA DUNIA BAHAWA PERBUATANNYA JAHAT.
AKU TIDAK PERGI KERANA SAAT-KU BELUM TIBA.
SAUDARA-SAUDARANYA SENDIRI PUN TIDAK PERCAYA KEPADA-NYA.
LALU DIA TETAP TINGGAL DI GALILEA, DAN TERUS MENGAJAR DAN MENYEMBUHKAN ORANG.
DARI PANDANGAN SAYA, PETRUS DAN ANDREAS SEPERTINYA YANG TERBESAR ANTARA KITA.
DAN SETELAH ITU, SAYA DAN KAMU.
MAKSUD KAMU, SAYA, BARULAH KAMU.
BUKAN, JELAS SEKALI MAKSUD SAYA TADI…
MATIUS 18:1; MARKUS 9:33; LUKAS 9:46; YOHANES 7:1-9






MATIUS 9:2-35; MATIUS 18:15-17; MARKUS 9:33-50; LUKAS 9:47-50


DIA MENYURUH ORANG PERGI TERLEBIH tDAHULU KE SAMARIA UNTUK MENYEDIAKAN TEMPAT BERMALAM BAGINYA.
APABILA MEREKA KEMBALI…
YESUS, PENDUDUK PEKAN ITU TIDAK MAHU MENERIMA ENGKAU!
TUHAN, ADAKAH TUHAN MAHU KAMI MEMINTA API TURUN DARI SYURGA UNTUK MEMBINASAKAN MEREKA?
MEMBINASAKAN MEREKA?
UNTUK APA, YAKOBUS?
TIDAK! KITA AKAN KEBASKAN DEBU DI KAKI DAN MENERUSKAN PERJALANAN KE PEKAN YANG SETERUSNYA.
GURU, KEMANAKAH GURU AKAN PERGI?
SAYA BERSEDIA MENGIKUT GURU KE MANA SAHAJA GURU PERGI!
SERIGALA MEMPUNYAI LUBANG DAN BURUNG MEMPUNYAI SARANG, TETAPI ANAK MANUSIA TIDAK MEMPUNYAI TEMPAT UNTUK BERBARING DAN BEREHAT.
IKUTLAH AKU.
TUAN, IZINKANLAH SAYA BALIK TERLEBIH DAHULU UNTUK MENGUBURKAN JENAZAH BAPA SAYA.
BIARLAH ORANG MATI MENGUBURKAN ORANG MATI MEREKA SENDIRI. TETAPI KAMU, PERGILAH KHABARKAN BERITA BAHAWA ALLAH SUDAH MULA MEMERINTAH.
SAYA MAHU MENGIKUT TUAN, TETAPI BENARKAN SAYA BALIK DAHULU UNTUK MENGUCAPKAN SELAMAT TINGGAL KEPADA KELUARGA SAYA.
APABILA KAMU MULAI MEMBAJAK, ADAKAH KAMU AKAN MENOLEH KE BELAKANG?
TIDAK, PASTI KAMU MEMANDANG KE HADAPAN! ITULAH YANG HARUS DILAKUKAN UNTUK MELAYANI DALAM PEMERINTAHAN ALLAH.
KEMUDIAN, YESUS DAN PARA MURIDNYA MENERUSKAN PERJALANAN KE YUDEA.
DAN YERUSALEM DI MANA DIA MENGHADIRI PERAYAAN PONDOK DAUN SECARA DIAM-DIAM.
MATIUS 8:19-22; LUKAS 9:52-62; YOHANES 7:10


*BANYAK ORANG YANG MENGAWASI YESUS DI YERUSALEM, DAN MENGHARAPKAN DIA DATANG KE PERAYAAN PONDOK DAUN.*
...DIA ORANG BAIK.
TIDAK! DIA MENYESATKAN ORANG!
*PADA PERTENGAHAN MASA PERAYAAN ITU, YESUS MASUK KE DALAM RUMAH TUHAN, LALU MULA MENGAJAR.*
BAGAIMANAKAH ORANG INI DAPAT MENGETAHUI SEBANYAK INI, PADAHAL DIA TIDAK PERNAH DILATIH UNTUK MENJADI GURU TAURAT?
YANG AKU AJARKAN INI BUKAN AJARAN-KU!
MELAINKAN AJARAN DIA YANG MENGUTUS AKU.
ORANG YANG MAHU MELAKUKAN KEHENDAK ALLAH AKAN TAHU SAMA ADA AJARAN-KU DATANGNYA DARIPADA ALLAH ATAU DARIPADA AKU SENDIRI.
BUKANKAH DIA INI YANG DICARI-CARI OLEH PENGUASA KITA UNTUK DIBUNUH?
LIHATLAH, DIA BERKATA-KATA DI HADAPAN UMUM, TETAPI PENGUASA KITA TIDAK BERKATA APA-APA KEPADANYA.
MUNGKINKAH MEREKA SUDAH TAHU BAHAWA DIA PENYELAMAT YANG DIUTUS OLEH ALLAH?
SESIAPA YANG DAHAGA HENDAKLAH DATANG KEPADA-KU UNTUK MINUM.
SESIAPA YANG PERCAYA KEPADA-KU, DARI DALAM HATINYA AKAN MEMANCAR MATA AIR YANG MEMBERIKAN HIDUP.
ORANG INI SEORANG NABI!
BUKAN! DIALAH KRISTUS!
TAPI KRISTUS TIDAK BERASAL DARI GALILEA!


KITA TELAH MENGUTUS PARA PENGAWAL UNTUK MENANGKAP YESUS, NAMUN MEREKA SENDIRI TERPEDAYA DENGAN PENGAJARANNYA.
ORANG RAMAI BERSELESIH PENDAPAT.
DIA TERUS MENGAJAR. SETIAP HARI.
BAGAIMANA KITA BOLEH MENGHALANG DIA?
MENURUT TAURAT, KITA TIDAK BOLEH MENGHUKUM SESEORANG SEBELUM PERKARANYA DIDENGAR DAN PERBUATANNYA DISIASAT.
NIKODEMUN, KAMU SENDIRI TAHU BAHAWA TIDAK ADA NABI YANG BERASAL DARI GALILEA!
SAYA ADA SUATU IDEA…
KEESOKKANNYA.
…DIA YANG MENGUTUS AKU ADALAH BENAR!
KAMU TIDAK MENGENALINYA, NAMUN AKU KENAL DIA KERANA DIALAH YANG MENGUTUS AKU.
GURU!
GURU, WANITA INI TERTANGKAP BASAH KETIKA BERZINA.
DI DALAM KITAB TAURAT, MUSA MEMERINTAHKAN AGAR WANITA SEPERTI INI DIREJAM SEHINGGA MATI.
TETAPI APAKAH PENDAPAT GURU?
APAKAH YANG HARUS KAMI LAKUKAN, GURU?
KATAKANLAH KEPADA KAMI!
APAKAH YANG DIKATAKAN OLEH “DIA YANG MENGUTUS ENGKAU”?


YA, REJAMLAH DIA.
SESIAPA DI KALANGAN KAMU YANG TIDAK BERDOSA BOLEH MELEMPARKAN BATU PERTAMA UNTUK MEREJAM DIA.
DI MANAKAH MEREKA?
TIDAK ADAKAH ORANG YANG MENGHUKUM KAMU?
TIDAK ADA, TUAN.
AKU PUN TIDAK MENGHUKUM KAMU.
PERGILAH DAN JANGANLAH BERDOSA LAGI.
TINGGALKANLAH HIDUP YANG PENUH DOSA ITU!
YA, TUAN, SAYA AKAN TINGGALKAN!
YOHANES 7:7-11




YOHANES 8:12-58


REJAM DIA! INI ADALAH PENGHUJATAN!
TAPI--
KALAU KAMU ADALAH ORANG YAHUDI YANG TAKUT AKAN ALLAH--
--AMBILAH BATU DAN REJAM DIA!



YOHANES 8:59



TOLONG, BANTULAH DIA YANG BUTA SEJAK LAHIR.
GURU, SIAPAKAH YANG BERDOSA, DIAKAH ATAU IBU BAPANYA?
PASTI DARI IBU BAPANYA SEHINGGA ORANG INI DILAHIRKAN BUTA!
TIDAK.
BUKAN KEDUA-DUANYA.
TETAPI SUPAYA KUASA ALLAH BOLEH DINYATAKAN DALAM HIDUPNYA.
SELAMA HARI MASIH TERANG, KITA HARUS MELAKUKAN TUGAS YANG DIBERIKAN OLEH DIA YANG MENGUTUS AKU.
MALAM AKAN TIBA DAN TIDAK SEORANG PUN DAPATMELAKUKAN APA-APA.
SELAMA AKU DI DUNIA INI, AKULAH CAHAYA BAGI DUNIA.
PTOOOO
SIAPA KAMU?
PERGILAH.
BASUH MUKAMU DI KOLAM SILOAM.
SAYA… SAYA…
SETELAH ORANG BUTA ITU MELAKUKAN YANG DIPERINTAH YESUS--
DIA BERBICARA DENGAN PENUH KUASA. SIAPAKAH DIA?
SAYA DENGAR, NAMANYA YESUS.
YOHANES 9:1-7


--DIA DISOAL OLEH ORANG-ORANG FARISI.
MEREKA TIDAK MENYENANGI JAWAPANNYA.
ORANG INI **TENTU** SEKALI UTUSAN TUHAN!
BAGAIMANA MUNGKIN DIA MENYEMBUHKAN SAYA!
KAMU BERANI MENGAJAR KAMI?
KAMU ORANG BERDOSA SEJAK KAMU DILAHIRKAN.
HAI!
ADAKAH KAMU PERCAYA KEPADA ANAK MANUSIA?
SAYA DISEMBUHKAN OLEH SESEORANG.
TUAN, SIAPAKAH DIA?
TOLONG BERITAHU SUPAYA SAYA BOLEH PERCAYA KEPADA-NYA.
DIALAH YANG BERCAKAP DENGAN KAMU SEKARANG INI.
YA TUHAN!
SAYA PERCAYA!
AKU DATANG KE DUNIA INI UNTUK MENGHAKIMI ORANG SUPAYA ORANG YANG BUTA DAPAT MELIHAT, TETAPI ORANG YANG DAPAT MELIHAT MENJADI BUTA.
APA?
MAKSUDMU KAMI INI BUTA JUGA?
JIKA KAMU BUTA, KAMU TIDAK BERDOSA.
TETAPI KERANA KAMU BERKATA BAHAWA KAMU MELIHAT, MAKA KAMU MASIH BERDOSA.
AKULAH GEMBALA YANG BAIK. GEMBALA YANG BAIK MENGORBANKAN NYAWA UNTUK KAWANAN DOMBANYA.
SEORANG UPAHAN AKAN LARI MENINGGAL-KAN KAWANAN DOMBA MANAKALA DIA MELIHAT SERIGALA DATANG.
DIA TIDAK MEMPEDULIKAN DOMBA-DOMBA ITU.


SEBAGAI GEMBALA YANG BAIK, AKU MENGENAL DOMBA-DOMBA-KU.
DAN MEREKA PUN MENGENAL AKU!
AKU MENGORBANKAN NYAWA UNTUK MEREKA.
TIDAK SEORANG PUN DAPAT MENGAMBIL NYAWA-KU DARIPADA-KU. AKU MENYERAHKANNYA DENGAN RELA.
AKU BERHAK MENYERAHKANNYA.
DAN AKU BERHAK MENDAPATNYA KEMBALI.
INILAH TUGAS YANG AKU TERIMA DARIPADA BAPA-KU
DIA GILA!
DIA DIRASUK SYAITAN! MENGAPAKAH KAMU MENDENGARKAN DIA?
BAGAIMANAKAH SYAITAN DAPAT MENCELIKKAN MATA ORANG BUTA?
KEMUDIAN YESUS MEMILIH TUJUH PULUH DUA ORANG PENGIKUT PULA.
PERGILAH!
AKU MENGUTUS KAMU SEPERTI DOMBA KE TENGAH-TENGAH SERIGALA.
APABILA KAMU DITERIMA DI SESEBUAH KOTA, MAKAN MINUM APA SAHAJA YANG DIHIDANGKAN
SEMBUHKANLAH ORANG SAKIT DI KOTA ITU, DAN KEPADA PENDUDUK DI SITU KATAKANLAH, 'TIDAK LAMA LAGI ALLAH AKAN MEMERINTAH DI TENGAH-TENGAH KAMU.'
TETAPI JIKA KAMU MASUK KE DALAM SEBUAH KOTA LALU DI SITU KAMU TIDAK DISAMBUT, PERGILAH KE JALAN RAYA DAN KEBASKAN DEBU DI KAKIMU--






LUKAS 10:12-24


SEORANG GURU TAURAT DATANG UNTUK MEMERANGKAP YESUS.
RABBI!
APAKAH YANG HARUS SAYA LAKUKAN SUPAYA MENDAPAT HIDUP SEJATI DAN KEKAL?
APAKAH YANG TERTULIS DI DALAM ALKITAB?
'KASIHILAH TUHAN ALLAHMU DENGAN SEPENUH HATIMU, DENGAN SEGENAP JIWAMU, DENGAN SEGALA KEKUATANMU, DAN DENGAN SELURUH AKALMU'
DAN 'KASIHILAH SESAMA MANUSIA SEPERTI KAMU MENGASIHI DIRIMU SENDIRI.'
YA.
YA! BERBUATLAH DEMIKIAN, DAN KAMU AKAN MENDAPAT HIDUP SEJATI DAN KEKAL!
SIAPAKAH SESAMA SAYA?
BENARKAN SAYA BERCERITA.
DI TENGAH PERJALANAN DARI YERUSALEM KE YERIKHO, SEORANG LELAKI DIROMPAK DAN DIPUKUL SEHINGGA SETENGAH MATI--
--LALU MENINGGALKAN-NYA DI TEPI JALAN.
KEBETULAN PADA MASA ITU SEORANG IMAM LALU DI SITU DAN LALU ORANG ITU.
DEMIKIAN JUGA SEORANG LEWI LALU DI SITU DAN MELAKUKAN YANG SAMA.
TETAPI KETIKA SEORANG SAMARIA YANG SEDANG LALU DAN MELIHAT ORANG ITU, HATINYA PENUH BELAS KASIHAN.
DIA MEMBANTU ORANG ITU, DAN MEMBAYAR RAWATANNYA
JADI, SIAPAKAH YANG MENJADI SESAMA ORANG YANG DIROMPAK ITU?
ORANG YANG MENUNJUKKAN BELAS KASIHAN KEPADANYA.
TEPAT SEKALI.
PERGILAH DAN BERBUATLAH DEMIKIAN!
LUKAS 10:25-37






LUKAS 10:38-39




LUKAS 10:39-42


PADA SUATU HARI, YESUS BERDOA DI SUATU TEMPAT.
YA TUHAN, AJARLAH KAMI BERDOA.
SEBAGAIMANA YOHANES MENGAJAR PENGIKUTNYA BERDOA.
BAIKLAH.
BERDOALAH DEMIKIAN:
YA BAPA,
ENGKAULAH ALLAH YANG ESA.
SEMOGA ENGKAU MEMERINTAH DI BUMI.
BERILAH KAMI MAKANAN YANG KAMI PERLUKAN SETIAP HARI.
AMPUNKANLAH DOSA KAMI--
--KERANA KAMI PUN MENGAMPUNI SETIAP ORANG YANG BERSALAH TERHADAP KAMI.
DAN JANGANLAH BIARKAN KAMI KEHILANGAN IMAN KETIKA DICUBAI.
MINTALAH SESUATU DARIPADA ALLAH, MAKA KAMU AKAN MENERIMANYA. KETUKLAH PINTU, MAKA ALLAH AKAN MEMBUKANYA BAGI KAMU.
SIAPAKAH ANTARA KAMU SELAKU BAPA AKAN MEMBERIKAN ULAR KEPADA ANAKNYA KETIKA DIA MEMINTA IKAN?
ATAU ADAKAH KAMU AKAN MEMBERIKAN KALA JENGKING KETIKA DIA MEMINTA TELUR?
WALAUPUN KAMU JAHAT, KAMU TAHU MEMBERIKAN APA YANG BAIK KEPADA ANAK-ANAK KAMU--
--LEBIH-LEBIH LAGI BAPA YANG DI SYURGA! DIA AKAN MEMBERIKAN ROH-NYA KEPADA MEREKA YANG MEMINTA DARIPADA BAPA!



LUKAS 11:1-13


KEMUDIAN...
YESUS! AKU TAHU ENGKAU TELAH MENYEMBUHKAN BANYAK ORANG!
TOLONG, SEMBUHKAN KAWAN SAYA!
DIA TIDAK DAPAT BERCAKAP!
DIA DIRASUK ROH JAHAT!
SEHINGGA MENJADI BISU!
TIDAK LAGI...
SAYA PERINTAH-KAN ROH JAHAT YANG MENYEKSA ORANG INI--
--KELUARLAH DARI DIA!
TE-- TE--
TERIMA KASIH...




LUKAS 11:15-35




LUKAS 11:37-41


BERIKAN APA YANG ADA DI DALAM CAWAN DAN PINGGAN KAMU KEPADA ORANG MISKIN--
--DAN KAMU AKAN MENJADI BERSIH.
MALANGLAH KAMU ORANG FARISI!
KAMU MEMBERIKAN SEPERSEPULUH DARIPADA SELASIH, INGGU, DAN HERBA LAIN KEPADA ALLAH
TETAPI KAMU MENGABAIKAN KEADILAN, DAN KASIH KEPADA ALLAH.
KAMU SUKA AKAN TEMPAT DUDUK KHAS DI DALAM RUMAH IBADAT!
KAMU SEPERTI KUBUR TIDAK BERNISAN, YANG DIPIJAK-PIJAK ORANG TANPA DISEDARI!
GURU, APABILA GURU BERKATA BEGITU, GURU MENGHINA KAMI JUGA!
MALANGLAH KAMU GURU TAURAT! KAMU MELETAKKAN BEBAN HUKUM DAN PERATURAN KE ATAS BAHU ORANG LAIN--
--TETAPI KAMU SENDIRI TIDAK MAHU PUN MENOLONG MEREKA MEMIKUL BEBAN ITU.
MALANGLAH KAMU, KERANA KAMU MENYIMPAN KUNCI YANG DAPAT MEMBUKA PINTU PENGETAHUAN TENTANG KEHENDAK ALLAH.
TETAPI KAMU TIDAK MAHU MASUK KE DALAM.
SEBALIKNYA KAMU MENGHALANGI ORANG YANG MAHU MASUK!
BERANI KAMU!
ATAS KUASA SIAPA KAMU BERKATA SEDEMIKIAN?
APA YANG BERLAKU?
HATI-HATI!
JANGAN BENARKAN KEMUNAFIKAN ORANG-ORANG FARISI MEMPENGARUHI KAMU JUGA!


APA YANG TERSEMBUNYI AKAN DINYATAKAN DAN TIAP-TIAP RAHSIA AKAN DIDEDAHKAN!
APA YANG KAMU UCAPKAN PADA WAKTU MALAM AKAN TERDENGAR PADA SIANG HARI!
JANGANLAH TAKUT AKAN MEREKA YANG MENGAMBIL NYAWA!
TAKUTLAH AKAN ALLAH, YANG BERKUASA MENGAMBIL NYAWA ORANG, DAN JUGA BERKUASA MEMBUANG ORANG ITU KE DALAM NERAKA!
MESKIPUN DEMIKIAN TIDAK SEEKOR BURUNG PIPIT PUN DILUPAKAN OLEH ALLAH!
SEBENARNYA RAMBUT DI KEPALA KAMU PUN TELAH DIHITUNG SEMUANYA.
OLEH ITU, JANGANLAH TAKUT KERANA BAGI ALLAH KAMU LEBIH BERHARGA DARIPADA BURUNG PIPIT!
INGATLAH BAHAWA SESIAPA YANG MENGAKU DIRINYA PENGIKUT-KU DI HADAPAN UMUM, AKAN DIAKUI JUGA OLEH ANAK MANUSIA DI HADAPAN MALAIKAT-MALAIKAT ALLAH.
SESIAPA YANG TIDAK MENGAKUI AKU, AKAN TIDAK DIAKUI JUGA OLEH ANAK MANUSIA DI HADAPAN MALAIKAT-MALAIKAT ALLAH.
SESIAPA YANG MENENTANG ANAK MANUSIA DENGAN KATA-KATANYA, DAPAT DIAMPUNI;
TETAPI SESIAPA YANG MENGKUFURI ROH ALLAH TIDAK DAPAT DIAMPUNI.
APABILA KAMU DIDAKWA DI RUMAH IBADAT ATAU DI HADAPAN GABENOR ATAU PENGUASA--
--JANGANLAH KHUATIR TENTANG APA YANG HARUS KAMU KATAKAN!
ROH ALLAH AKAN MENGAJAR KAMU APA YANG HARUS KAMU KATAKAN.


GURU, SURUHLAH SAUDARA SAYA BERIKAN SEBAHAGIAN DARIPADA HARTA PENINGGALAN BAPA KAMI KEPADA SAYA.
SAUDARA, SIAPA MEMBERIKAN KUASA KEPADA-KU UNTUK MENJADI HAKIM?
BERJAGA-JAGALAH DAN BERWASPADALAH! JANGANLAH TAMAK!
HIDUP SESEORANG TIDAK TERDIRI DARIPADA KEKAYAANNYA, WALAUPUN HARTANYA BANYAK SEKALI.
JANGANLAH KHUATIR TENTANG HIDUP KAMU!
TENTANG APA YANG AKAN KAMU MAKAN, ATAU APA YANG AKAN KAMU PAKAI.
HIDUP ITU LEBIH BERHARGA
LIHATLAH BUNGA BAKUNG YANG TUMBUH DI PADANG; BUNGA ITU TIDAK BEKERJA DAN TIDAK MENENUN.
TETAPI KETAHUILAH, RAJA SALOMO DENGAN SEGALA KEKAYAANNYA TIDAK BERPAKAIAN SEINDAH BUNGA ITU!
SEBALIKNYA, UTAMAKANLAH PEMERINTAHAN ALLAH DENGAN MELAKUKAN APA YANG DIKEHENDAKI OLEH ALLAH, MAKA SEMUA ITU AKAN DIBERIKAN OLEH ALLAH KEPADA KAMU.
DI MANAKAH HARTAMU? DI SITULAH HATIMU.
APABILA KAMU MELIHAT AWAN NAIK DI SEBELAH BARAT, DENGAN SEGERA KAMU TAHU HARI AKAN HUJAN.
APABILA KAMU BERASA ANGIN SELATAN BERTIUP, KAMU TAHU HARI AKAN PANAS.
KAMU DAPAT MERAMAL CUACA DENGAN MELIHAT TANDA-TANDA DI LANGIT DAN DI BUMI, TETAPI MENGAPAKAH KAMU TIDAK DAPAT MEMAHAMI TANDA ZAMAN INI?
YA, ZAMAN KEDASYATAN!
ADA ORANG GALILEA YANG DIBUNUH OLEH PILATUS KETIKA MEREKA MEMPERSEMBAHKAN KORBAN KEPADA ALLAH!
MEREKA PASTI TELAH MELAKUKAN DOSA YANG BESAR SEHINGGA MENDAPATKAN NASIB SEDEMIKIAN!
TIDAK!
DOSA ADALAH DOSA! KECUALI KAMU BERTAUBAT DARIPADA DOSA, KAMU SEMUA AKAN BINASA SEPERTI MEREKA.

"THE BIBLE EXPLAINED IN EVERY LANGUAGE."





SUPERBIBLE.TV